

ANALISA BORANG MAKLUMBALAS PESERTA


"JIHAD BISNES PEMANGKIN EKONOMI UMMAH"

OLEH YBHG TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION

BICARA PETANG KEUSAHAWANAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK), KOTA BHARU, KELANTAN
PADA 12 JULAI 2009 (AHAD)

Jumlah edaran : 200 Borang
Dikembalikan : 103 Borang (51.5%)

SOALAN 1 : ADAKAH CERAMAH YANG DISAMPAIKAN OLEH PENCERAMAH DAPAT DIFAHAMI DENGAN JELAS?



Skala

1	-	0	(0%)
2	-	2	(1.9%)
3	-	18	(17.5%)
4	-	54	(52.5%)
5	-	29	(28.1%)

SOALAN 2 : APAKAH PANDANGAN ANDA DENGAN TOPIK CERAMAH YANG DISAMPAIKAN?

BIL	JAWAPAN	NAMA PESERTA
1	Membentangkan pendedahan kepada dunia bisnes secara meluas kepada siswa dan siswi untuk mencapai matlamat tersebut.	-
2	Topik ceramah yang disampaikan dapat membuka minda para pelajar untuk mendalami dunia keusahawanan.	Majena Achan
3	Memberi banyak manfaat kepada saya sebagai pembimbing untuk terus bergerak ke hadapan dan menjadi usahawan yang berjaya kelak	Rabiatul Adawiah Mat Jusoh
4	Bagus kerana tidak terletak di bawah tahap yang rendah tahap pemuliharaan dapat dinaiktaraf dari kelas bawahan ke peringkat kelas yang pertama. Ini ceramah yang baik untuk semua golongan.	Norita Aida Musa
5	Amat memuaskan tetapi terlalu banyak lagi yang perlu dijelaskan	Nur Nadiah Bint Johan
6	Topik ceramah ini memberi lebih keyakinan kepada orang ramai dan siswa supaya melakukan jihad dengan bersungguh-sungguh dalam sesuatu perniagaan yang ingin mereka ceburi.	Abdul Muin Harun
7	Sungguh memuaskan kerana memberi penjelasan lanjut tentang asas keusahawanan, cara memulakan perniagaan, cara pengurusan yang betul dan menjadi usahawan yang berhemah.	Che Maziatol Che Man
8	Topik ceramah relevan dengan pasaran sekarang. Amat berguna untuk mahasiswa untuk diimplementasikan di masa sekarang dan akan datang	Mohd Nazri A Rahim
9	Topik ceramah ini sangat sesuai dengan semua siswa/siswi yang mendengar ceramah ini kerana dengan adanya topik ceramah ini siswa dan siswi yang mengamabil jurusan usahawan akan mengetahui dan lebih terbuka tentang bagaimana perjalanan usahawan pada masa akan datang.	Siti Nurlathifah Ahmad
10	Membantu masyarakat Melayu untuk kembali bersemangat dan memajukan diri demi agama dan bangsa.	Mohamad Fahmy Amry
11	Ceramah yang dapat membantu saya mengembangkkn idea bagi memajukan ekonomi negara dengan membuka perniagaan sendiri berteraskan panduan Islam.	Mohamad Rahmat Abd Kadir
12	Bagus dan perlu diteruskan untuk membimbing usahawan-usahawan muda untuk peluang menceburi bidang-bidang baru.	Muahmmad Fathi Md Said
13	Pada pandangan saya, topik ceramah yang disampaikan amat berkesan dan telah membuka minat saya bagi menjadi seorang usahawan yang berjaya.	Mohd Fairus Lateh

BIL	JAWAPAN	NAMA PESERTA
14	Topik ini tidak menyentuhkan cara-caranya untuk mengembangkan atau memulakan perniagaan.	Lee Wee Ping
15	Sepatutnya ceramah ini hanya dihadiri oleh orang Melayu sahaja kerana jika kaum lain ada ianya akan mewujudkan rasa tidak puas hati oleh kaum lain tersebut.	-
16	Sangat menarik kerana dapat membuka minda para pelajar di dalam bidang keusahawanan di bawah pemimpin Johor Corporation.	Norsyazana Shafiee
17	Meningkatkan jati diri pelajar dan memberi strategi untuk membina kejayaan dalam bidang bisnes dari pelbagai aspek seperti Jihad Bisnes dan membina waqaf.	Nur Shuhada Ahmad Tarmizi
18	Pada pandangan saya, topik ceramah yang disampaikan menarik dan sesuai untuk para pelajar mengetahui tentang bidang keusahawanan dengan lebih mendalam. Isi ceramah yang disampaikan amat menarik dan berkesan.	Nurul Anisa Abd Rashid
19	Very serious to know more about this topic especially Jihad Bisnes. A very new concept and good to know it.	Jason Gah Neng Heng

SOALAN 3 : ADAKAH ANDA BERSETUJU DENGAN ISU DAN PANDANGAN MENGENAI JIHAD BISNES DAN WAQAF KORPORAT YANG DIKEMUKAKAN? MENGAPA?

BIL	JAWAPAN "YA"	PESERTA
1	Setuju kerana mementingkan peluang perniagaan yang halal	-
2	Jihad bisnes ini mengajar cara berniaga dan panduan yang sihat.	Majena Achan
3	Ya kerana ia berlandas konsep Islam dan dapat memberi peluang Melayu untuk berbisnes	Nurul
4	Dapat menjalankan aktiviti yang murni dan bertanggungjawab.	Nurul Hayani Abdullah
5	Membantu membangunkan negara di samping dapat menghulurkan bantuan seperti ibadah secara zahir yang akan diberkati tanpa mengundang perasaan pentingkan diri sendiri.	Noorita Aida Musa
6	Membantu bangsa sendiri maju setaraf bangsa-bangsa yang berjaya	Nur Nadiah Johan
7	Setuju cara jihad bisnes memang praktikal dan boleh berlaku walaupun mengambil masa	M Yusuf

BIL	JAWAPAN "YA"	PESERTA
8	Sistem ekonomi ini lebih cenderung kepada ekonomi Islam dan berharap pada suatu hari nanti dapat mengambil alih sistem ekonomi dunia yang menghimpit masyarakat dunia ke 3 khususnya.	-
9	Sebuah syarikat perlu mempunyai perancangan yang baik untuk masa depan. Melalui Jihad Bisnes dapat menanam semangat mahu berniaga yang berterusan dan melalui waqaf korporat dapat mengelak syarikat daripada mengalami kerugian pada masa akan datang.	Che Maziatol Che Man
10	Segala usaha yang dilakukan bukan sahaja membantu masyarakat dalam memilih barangan yang halal dengan mudah malahan ini dapat membantu ekonomi negara secara tidak langsung keuntungan yang diperolehi bukan mereka sahaja yang merasa tetapi masyarakat juga dapat merasa.	Siti Nurlathifah Ahmad
11	Membantu dalam memajukan ekonomi umat.	Muhammad Firdaus Abdullah
12	Mengamalkan cadangan dan teknik perniagaan bersih dari segala aspek yang mampu berkembang dalam jangka masa yang panjang.	Mohamad Fahmy Amry
13	Ya, misi dan visi tentang bisnes ini amat jelas dan berpotensi tinggi untuk terus berjaya. Tahniah!	Noor Shafiza Zainal Abidin
14	Ini adalah konsep asas keusahawanan.	Tan Wooi Ken
15	Tidak setuju kerana sebab dan contoh yang diberikan adalah penentangan.	Mr. Chong
16	Jihad Bisnes dan waqaf korporat adalah merupakan salah satu alternative	-
17	Kaedah ini tidak menindas mana-mana pihak.	Mohamad Rahmat Abd Kadir
18	Ya, kerana Jihad Bisnes boleh memperkuatkan perniagaan di Malaysia untuk terus maju dan dapat bersaing dengan dunia barat.	Muhammad Fathi Md Said
19	Bersetuju kerana di samping kita melakukan bisnes kita juga perlulah membantu bagi golongan yang kurang bernasib baik.	Mohd Fairus Lateh
20	Ya, kerana ia dapat mendorong kita memulakan perniagaan dengan amanah dan tidak mudah berputus asa terhadap perniagaan.	Lee Wee Ping
21	Setuju kerana ianya berteraskan dan berlandaskan Al-Quran dan dapat menanam semangat untuk berjaya.	-
22	Ianya berlandaskan konsep Islam yang telah ditetapkan di bawah garis panduan Al-Quran dan As-Sunnah	Norsyazana Shafiee

BIL	JAWAPAN "YA"	PESERTA
23	Saya bersetuju kerana ia mementingkan keagamaan. Amanah itu penting dan JCorp tidak mementingkan duniawi semata-mata. Mereka ingin meningkatkan bisnes daripada golongan Islam/Melayu. Ia juga banyak memberi nasihat, semangat dan kejayaan.	Nur Shuhada Ahmad Tarmizi
24	Amat sesuai diamalkan bagi mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan malah kebajikan serta hak mereka akan terjamin.	-
25	Bisnes yang harus diamalkan oleh para usahawan muda supaya kejayaan yang akan diperolehi amat besar dan amat meberansangkan	Mugulan
26	Selitkan banyak lawak dalam ceramah agar tidak terlalu serius dan mengurangkan kengantukan. Anyway best.	Nor Seha Nor Azmi
27	Setuju. Menjalankan perniagaan secara tipu akan menghilangkan nama baik dan keyakinan pelanggan. Jihad Bisnes sesuai digunakan mana-mana satu bidang perniagaan.	Sharon Goh Hui Theng
28	Ya, Tanpa unsur kapitalis. Guna institusi Islam yang membina sistem ekonomi halal.	Chan Khar Hor (Stephen)
29	Yes, because I think it can help and motivate and change the Malays mindset which was previously blocked by their perceptions.	Jason Gah Neng Heng

SOALAN 4 : PANDANGAN / CADANGAN ANDA KEPADA PENCERAMAH / JOHOR CORPORATION?

BIL	JAWAPAN	PESERTA
1	Bagus. Tidak membosankan dan menaikkan semangat.	-
2	Semua penerangan jelas. Tambahkan sedikit hiburan supaya pendengar tidak jemu dan mengantuk.	Nurul Hayani Abdullah
3	Memperbanyakkan dan membuka lebih peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah.	-
4	Pandai menarik perhatian pendengar daripada terjadinya perasaan bosan dan mengantuk. Tahniah.	Noorita Aida Musa
5	Cuba membuat produk tersendiri tanpa menggunakan jenama barat sebagai landasan mengukuhkan tapak perusahaan.	Andi Akbar
6	Pandangan saya kepada penceramah sangat memuaskan. Bijak menggunakan masa dengan baik menyelesaikan persoalan yang dianjurkan dengan berhemah dan bijaksana.	Che Maziatol Che Man
7	Memperbanyakkan tayangan visual supaya lebih mudah difahami akan maklumat yang	Mohd Nazri A Rahim

BIL	JAWAPAN	PESERTA
	ingin disampaikan.	
8	Ceramah yang diberikan harus diperbanyak lagi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai selain membantu dengan membuka peluang untuk memulakan perniagaan.	Muhammad Firdaus Abdullah
9	Membina institusi motivasi dan permodalan untuk anak-anak Melayu berkembang dalam pemasaran perniagaan mereka ke peringkat antarabangsa.	Mohamad Fahmy Amry
10	Banyak lagi usaha perlu dijalankan dan peluang pekerja juga harus dikembangkan. Semoga segala usaha, cita dan misi berjaya dengan jayanya. Syabas.	Noor Shafiza Zainal Abidin
11	Sedikit membosankan kerana ceramah yang disampaikan adalah pengetahuan asas sahaja.	Tan Wooi Ken
12	Tidak memuaskan. Cadangan - Jangan terbalikan semua pernyataan benar terutamanya sememangnya dunia ini adalah keadilan dan jangan terlalu mengutamakan agama.	Mr. Chong
13	JCorp merupakan satu badan perniagaan yang mampu menjadi contoh terbaik terhadap usahawan-usahawan kecil di Malaysia.	Sabri Ibrahim
14	JCorp amat sesuai dijadikan panduan bagi memulakan perniagaan sendiri.	Mohamad Rahmat Abd Kadir
15	Johor Corporation perlu meneruskan Jihad Bisnes untuk memajukan kaum Melayu dan umat Islam dalam bidang perniagaan.	Muhammad Fathi Md Said
16	Pandangan saya terhadap Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim ialah ceramah yang diberikan terlalu mementingkan bisnes Islam dan telah mengabaikan kebaikan bisnes bangsa lain.	Lee Wee Ping
17	Tengok keadaan dan semasa ketika membuat ceramah kerana ianya akan mengakibatkan kaum lain terasa.	-
18	Johor Corporation merupakan satu organisasi yang sangat bagus dan bukan sahaja mementingkan keuntungan tetapi mementingkan perjuangan perniagaan menurut Islam.	Nor Zarifah Zakaria
19	Menarik dan bertenaga. Penyampaian yang jelas dan saya amat kagum dengan ceramah beliau.	Mugulan
20	Lain kali sila gunakan English kerana dan beberapa lecture dari negara lain (India) tidak faham bahasa Malaysia.	Gein Siew Kok

BIL	JAWAPAN	PESERTA
21	Bergerak sambil menyampaikan akan lebih menarik perhatian pendengar.	-
22	Pandangan : Good performance & clear explanation regarding "Jihad Bisnes" Cadangan : "Slowkan speed percakapan, lebihkan slide show yang lebih bergerafik.	Chan Khar Hor (Stephen)
23	Good but can I know that do Jcorp accept under graduates student to do their practical over there. Thank you.	Jason Gah Neng Heng